



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SGM^{2.0}

Standard Guru Malaysia





Diterbitkan oleh:

Kementerian Pendidikan Malaysia
Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
Malaysia
www.moe.gov.my

Hak cipta

© Bahagian Profesionalisme Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

e ISBN 978-967-25709-5-0



Sebarang kandungan tidak boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dipindah, dijual atau diuruskan bagi tujuan komersial dalam apa jua bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas terlebih dahulu daripada pihak penerbit Kementerian Pendidikan Malaysia.

Cetakan Pertama
2023

AKRONIM

FPG	Falsafah Pendidikan Guru
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KOMPAS	Kompetensi Pemimpin Sekolah
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency)
PBPPP	Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PIPPK	Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan
PPB	Pembangunan Profesionalisme Berterusan
PPP	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PPPB	Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan
SEAMEO	Southeast Asian Ministers of Education Organisation
SEA-TCF	Southeast Asia Teachers Competency Framework
SGM	Standard Guru Malaysia
SGM 2.0	Standard Guru Malaysia 2.0
SKPMg2	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2
SSKD	Senarai Semak Kompetensi Diri
UA	Universiti Awam

GLOSARI

Amalan Terbaik

Satu strategi, pendekatan, kaedah, atau teknik terbaik yang dijadikan contoh, rujukan, dan perkongsian

Agensi Latihan Keguruan

Organisasi yang menggubal dasar dan memantau pelaksanaan latihan keguruan seperti Bahagian Profesionalisme Guru (BPG), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPKK)

Deskriptor

Keterangan bagi elemen untuk setiap kompetensi yang perlu dicapai dan diperlihatkan mengikut tahap

Domain

Liputan kompetensi merangkumi aspek nilai profesional, pengetahuan, dan kemahiran

Ekosistem

Satu lingkungan interaksi yang terbentuk daripada hubungan antara satu sama lain atau dalam kumpulan dengan persekitarannya

Elemen

Sub kompetensi yang perlu dikuasai

Guru Profesional

Individu yang mempunyai kelulusan ikhtisas dalam bidang pendidikan, berpengetahuan, dan berkemahiran khusus untuk melaksanakan tugas instruksional

Insaniah

Bersifat kemanusiaan yang memiliki etika dan personaliti luhur, akhlak mulia, serta jati diri yang unggul

Instruksional

Melaksanakan proses PdP untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran, serta menerapkan nilai

GLOSARI

Intervensi

Memberikan perkhidmatan atau mengambil tindakan bagi tujuan bimbingan, penambahbaikan, atau khidmat nasihat

Jaringan dan jalinan

Mewujudkan dan membina hubungan secara kolaboratif, perkongsian pintar, dan seumpamanya dengan pihak berkepentingan

Kajian

Proses menyelidik secara sistematik tentang sesuatu isu atau masalah berdasarkan data atau maklumat yang dikumpulkan pada masa tertentu

Keguruan

Hal yang berkaitan dengan ilmu menjadi guru, atau tugas dan tanggungjawab sebagai guru

Kemenjadian Murid

Murid yang mencapai potensi diri dalam penguasaan pengetahuan dan kemahiran, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan untuk mencapai kesejahteraan diri dalam akademik, kokurikulum, dan sahsiah

Kesukarelaan

Sikap melakukan sesuatu secara ikhlas atas kemahuan sendiri tanpa mengharapkan balasan

Kolaboratif

Kerjasama antara dua pihak atau lebih untuk mencapai tujuan atau matlamat yang baik

Kompetensi

Penguasaan pengetahuan dan kemahiran untuk melakukan sesuatu dengan cekap atau dengan jayanya

Komuniti

Kumpulan orang yang tinggal di sesuatu tempat, daerah, atau negara

GLOSARI

Melestarikan

Memelihara sesuatu supaya kekal, tetap, dan berterusan

Meraikan Kepelbagaian

Memahami, menerima, dan menghayati kepelbagaian budaya, kaum, etnik, jantina, umur, status sosioekonomi, fahaman politik dan ideologi, kemampuan fizikal, dan kepercayaan agama

Nilai Keusahawanan

Sikap, amalan, dan tingkah laku yang berkaitan dengan kegiatan serta kemahiran keusahawanan

Orientasi

Arah aliran yang diikuti atau yang menjadi landasan untuk mencapai atau melaksanakan sesuatu perkara

Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan

Gabungan pengetahuan isi kandungan dan penguasaan kemahiran mengajar

Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB)

Program latihan secara sistematik yang menjurus ke arah peningkatan profesionalisme dan pembangunan kerjaya, serta kecemerlangan perkhidmatan

Pembelajaran Inklusif

Pembelajaran yang responsif, saling menerima, saling menghormati, dan saling membantu agar murid dididik mengikut kesesuaian umur dan keupayaan serta mendapat peluang dan akses kepada bimbingan untuk belajar, menyumbang dan melibatkan diri dalam segala aspek pembelajaran di sekolah

Pembelajaran Terbeza

Pembelajaran berasaskan keupayaan, aras, situasi, dan keperluan individu yang berbeza

Pihak Berkepentingan

Pihak yang mempunyai kepentingan secara langsung dalam pendidikan

GLOSARI

Pentaksiran

Proses untuk mendapatkan maklumat bagi mengesan perkembangan, kemampuan, kemajuan, dan pencapaian murid secara menyeluruh berasaskan matlamat kurikulum

Perkongsian Pintar

Kerjasama untuk meneroka, merancang, dan melaksanakan aktiviti / program yang dapat memperkuuh dan meningkatkan tahap pembelajaran murid

Standard

Pernyataan kompetensi profesional yang mesti dicapai oleh guru

Suri Teladan

Individu yang memiliki perwatakan dan keperibadian yang bersesuaian dengan profesi dan boleh dijadikan contoh

KANDUNGAN

Kata Alu-aluan

Menteri Pendidikan	i
Ketua Setiausaha	ii
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia	iii
Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia Sektor Pembangunan Profesionalisme	iv
Pengarah Bahagian Profesionalisme Guru	v
Kerangka SGM 2.0	1
Standard Kompetensi SGM 2.0	11
Etika Keguruan	25
Pengguna	37
Senarai Semak Kompetensi Diri	41
Kesimpulan	47
Soalan Lazim	49
Rujukan	52
Penghargaan	54

KATA ALU-ALUAN

MENTERI PENDIDIKAN

“

Bagi menjamin guru berkualiti daripada segi profesionalisme, kompetensi dan keberkesanan mengajar, empat aspek utama perlu diberikan penekanan, iaitu orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti dan kualiti peribadi.



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Tahniah dan syabas diucapkan atas usaha gigih menghasilkan dokumen Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0). Dokumen ini merupakan panduan dan rujukan kepada warga pendidik pada semua peringkat selaras dengan hasrat negara untuk melahirkan modal insan minda kelas pertama dan pendidikan bertaraf dunia.

Misi pendidikan negara telah memberikan penekanan pada pembangunan modal insan minda kelas pertama sebagai pemangkin untuk melonjakkan Malaysia ke peringkat status negara maju. Pembangunan modal insan berkualiti ini bergantung pada pendidikan yang berkualiti.

Bagi menjamin guru berkualiti daripada segi profesionalisme, kompetensi dan keberkesanan mengajar, empat aspek utama perlu diberikan penekanan, iaitu orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti dan kualiti peribadi. Keupayaan menguasai keempat-empat aspek ini dapat diukur berdasarkan satu standard, iaitu SGM 2.0 yang ditetapkan oleh KPM.

Usaha menyediakan SGM 2.0 merupakan langkah proaktif dalam membangunkan standard guru sebagai panduan dan rujukan pihak berkepentingan, khasnya yang berkaitan dengan kualiti guru dan latihan keguruan di Malaysia. Diharapkan SGM 2.0 menjadi rujukan bagi menambah baik dasar, perancangan dan pembangunan sistem pendidikan negara.

Saya berharap agar SGM 2.0 berjaya direalisasikan demi menghasilkan insan guru yang berkualiti dan kekal berkualiti. Saya yakin bahawa SGM 2.0 berupaya meningkatkan citra dan martabat profesion keguruan.

YB FADHLINA BINTI SIDEK

KATA ALU-ALUAN

KETUA SETIAUSAHA



KPM telah memulakan usaha membangunkan SGM 2.0 untuk mengenal pasti tahap kompetensi guru. Dalam hal ini, guru perlu mempunyai tahap amalan keguruan yang terkini bagi membolehkan mereka berfungsi secara berkesan sebagai pendidik.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Bahagian Profesionalisme Guru atas kejayaan menghasilkan dokumen Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0). Kejayaan ini jelas menunjukkan komitmen dan kesungguhan KPM dalam menyediakan satu dokumen yang dapat meningkatkan mutu perkhidmatan profesion keguruan demi mencapai kualiti yang ditetapkan.

Dunia pendidikan sentiasa mengalami perubahan mengikut perkembangan dan tuntutan semasa. Segala dasar dan perubahan yang diperkenalkan menuntut seluruh warga pendidik memahami, menghayati, dan melaksanakannya dengan sebaik mungkin. Ini bermakna para pendidik bertanggungjawab merealisasikan segala perubahan yang dibawa.

KPM telah melaksanakan pelbagai usaha untuk melahirkan dan melestarikan guru-guru yang berkualiti. Antara usahanya adalah dengan memantapkan latihan keguruan, menambah baik sistem pemilihan calon guru, melonjakkan kecemerlangan institusi latihan perguruan, menambah baik laluan kerjaya dan kebajikan guru. Pencapaian tahap kualiti yang tinggi pada peringkat sekolah rendah dan menengah merupakan penentu kesinambungan tahap kualiti pada peringkat institusi pengajian tinggi. Institusi yang menawarkan latihan perguruan perlu menyediakan latihan yang mantap bagi menjamin guru yang berkualiti.

KPM telah memulakan usaha membangunkan SGM 2.0 untuk mengenal pasti kompetensi guru. Dalam hal ini, guru perlu mempunyai tahap amalan keguruan yang terkini bagi membolehkan mereka berfungsi secara berkesan sebagai pendidik.

Saya percaya bahawa SGM 2.0 akan menjadi dokumen yang signifikan dan selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025) demi memartabatkan profesion keguruan. Saya berharap semoga usaha murni ini akan berjaya dan mencapai matlamatnya.

DATO' INDERA NIK NASARUDIN BIN MOHD ZAWAWI

KATA ALU-ALUAN

KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA



Kompetensi profesionalisme guru perlu dibangunkan secara bersepada dan berterusan bagi mencapai tahap kualiti yang memberi impak terhadap mutu pendidikan.



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Tahniah kepada Bahagian Profesionalisme Guru (BPG) kerana berjaya membangunkan dokumen Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0) sebagai satu panduan kualiti dan kecemerlangan profesionalisme kepada seluruh warga pendidik.

Kompetensi profesionalisme guru perlu dibangunkan secara bersepada dan berterusan bagi mencapai tahap kualiti yang memberi impak terhadap mutu pendidikan. Justeru, guru hendaklah bersedia untuk mengubah paradigma dan sikap, seiring dengan pembangunan profesionalisme berterusan bagi menjamin keterampilan yang tinggi selari dengan peredaran masa dan perkembangan teknologi.

Sehubungan dengan itu, SGM 2.0 menyepadukan komponen kompetensi dan etika keguruan sebagai panduan kepada guru untuk melakukan perubahan bagi meningkatkan kompetensi dan profesionalisme keguruan. Selain bertujuan untuk mencapai hasrat melahirkan guru berjiwa pendidik, SGM 2.0 juga menggariskan cadangan amalan terbaik untuk dilaksanakan oleh guru di sekolah. Guru yang berjiwa pendidik bukan sahaja perlu menambah pengetahuan dan kemahiran terkini serta melibatkan diri dalam komuniti, malah perlu bersedia untuk mengikuti latihan dan kursus profesionalisme keguruan secara berterusan.

Diharapkan semua guru dapat memanfaatkan SGM 2.0 dalam membentuk sahsiah unggul, memupuk daya fikir dan membina nilai yang positif dalam diri masing-masing. Secara tuntas, dokumen SGM 2.0 ini diharap mampu menjadi manifestasi dan bukti kepada komitmen warga pendidik bagi menggerakkan semua pihak untuk mencapai kecemerlangan pendidikan negara.

DATO' HJ. PKHARUDDIN BIN HJ. GHAZALI



TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

SEKTOR PEMBANGUNAN PROFESIONALISME



Bagi menjamin guru berkualiti daripada segi profesionalisme, kompetensi dan keberkesanan mengajar, empat aspek utama perlu diberikan penekanan, iaitu orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti dan kualiti peribadi.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Tahniah dan syabas diucapkan atas kejayaan menghasilkan dokumen Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0). Komitmen dan kesungguhan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menyediakan satu dokumen sebagai rujukan dan panduan untuk memperkasakan dan melestarikan guru berkualiti adalah sesuatu yang boleh dibanggakan.

Pendidikan merupakan salah satu elemen dalam mencapai misi nasional. Guru berperanan penting menentukan kejayaan misi tersebut. Dalam abad ke-21 ini, guru menghadapi pelbagai cabaran globalisasi serta perkembangan dunia teknologi. Oleh itu, mereka perlu memahami tanggungjawab guru selaras dengan etika keguruan yang menekankan tanggungjawab terhadap profesi, murid, ibu bapa atau penjaga, serta masyarakat dan negara. Guru perlu memberikan komitmen dengan melaksanakan pendekatan baharu ke arah peningkatan kualiti pendidikan.

Guru yang profesional dan kompeten perlu mempunyai integriti dan kredibiliti. Mereka berperanan dalam mendidik murid supaya menjadi insan yang seimbang dan bersepaktu. Guru hendaklah sentiasa bersedia mengemaskinikan pengetahuan dan menguasai kemahiran terkini selaras dengan peranan mereka sebagai pemudah cara dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru juga merupakan agen perubahan serta sumber inspirasi kepada murid. Mereka juga perlu kreatif dan inovatif supaya sistem penyampaian pengajaran dan pembelajaran menarik dan menyeronokkan. Para guru seharusnya sentiasa berusaha ke arah membentuk murid sebagai warganegara yang tinggi nilai patriotisme, berilmu, taat setia, bertanggungjawab, berakhlik, dan berketerampilan.

Untuk menjamin kualiti guru, satu standard perlu disediakan. Oleh itu, SGM2.0 dibangunkan sebagai panduan bagi mengenal pasti tahap kualiti kompetensi profesional guru. Harapan saya, semua pihak berkepentingan akan menggunakan dokumen SGM2.0 ini sebagai panduan bagi melahirkan guru yang berkualiti dan terus kekal berkualiti.

TUAN HAJI SHAFRUDDIN BIN HAJI ALI HUSSIN

KATA ALU-ALUAN

PENGARAH BAHAGIAN PROFESIONALISME GURU



SGM 2.0 merupakan dokumen panduan dan rujukan standard kualiti guru yang menghuraikan kompetensi yang perlu dicapai dan etika yang mesti dipatuhi ke arah melahirkan guru berjiwa pendidik.



Salam Sejahtera.

Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0) merupakan dokumen panduan dan rujukan standard kualiti guru yang menghuraikan kompetensi yang perlu dicapai dan etika yang mesti dijawai ke arah melahirkan guru berjiwa pendidik. Dokumen ini ialah penambahbaikan daripada Standard Guru Malaysia yang diterbitkan pada tahun 2009. Intipatinya berasaskan dokumen Southeast Asia Teacher Competency Framework (SEA-TCF).

Secara asasnya, SGM 2.0 mempunyai dua komponen, iaitu Dimensi Kompetensi dan Etika Keguruan. Komponen Dimensi Kompetensi menjelaskan pengetahuan, kemahiran, dan nilai yang perlu dicapai oleh guru yang profesional, manakala komponen Etika Keguruan menjelaskan prinsip moral dan nilai akhlak yang perlu menjadi pegangan dan amalan guru di Malaysia.

Dimensi Kompetensi terdiri daripada empat domain utama, iaitu Orientasi Ilmu, Instruksional, Pelibatan Komuniti, dan Kualiti Peribadi. Etika Keguruan pula merangkumi empat teras, iaitu tanggungjawab terhadap profesi, murid, ibu bapa/ penjaga, serta masyarakat dan negara.

SGM 2.0 diyakini mampu meningkatkan kualiti guru secara berterusan dan menjamin taraf profesion keguruan melalui amalan pembelajaran sepanjang hayat. Dokumen ini perlu diimplementasikan sepenuhnya oleh institusi dan agensi pendidikan yang bertanggungjawab untuk merealisasikan agenda pendidikan negara.

Tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dan telah berjaya menghasilkan dokumen SGM 2.0. Diharapkan dokumen ini dapat digunakan sebagai penanda aras bagi menjamin kualiti guru mengikut keperluan semasa.

HAJAH SALMAH BINTI JOPRI

KERANGKA



LATAR BELAKANG

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerbitkan Standard Guru Malaysia (SGM) pada tahun 2009. SGM mengandungi huraian tiga standard utama yang merangkumi pengetahuan dan kefahaman, kemahiran pengajaran dan pembelajaran (PdP), serta nilai profesionalisme keguruan yang perlu dimiliki oleh guru. Dokumen ini juga menjadi panduan kepada agensi dan institusi latihan keguruan bagi menyediakan keperluan latihan untuk membantu guru mencapai standard yang dikehendaki.

Anjakan keempat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025), iaitu Mentransformasi Profesional Keguruan Sebagai Profesional Pilihan memberi tumpuan kepada fungsi teras pengajaran berdasarkan kompetensi dan prestasi serta kecemerlangan berdasarkan pimpinan rakan sekerja.


Southeast Asian Ministers of Education Organisation (SEAMEO) High Officials Meeting on the Development of Regional Guidelines for Competency Standards for Teachers in Southeast Asia yang diadakan di Bangkok, Thailand pada 24 hingga 25 April 2017 telah menghasilkan Southeast Asia Teacher Competency Framework (SEA-TCF). Susulan daripada itu, 40th SEAMEO High Officials Meeting pada 28 hingga 30 November 2017, semua anggota SEAMEO bersetuju untuk menerima pakai dan mengadaptasi SEA-TCF sebagai kerangka kompetensi guru di negara masing-masing. Persetujuan tersebut telah diperakui oleh SEAMEO Council pada Julai 2018.

Berasaskan SEA-TCF tersebut, KPM mengambil inisiatif untuk membuat semakan semula SGM dan menghasilkan Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0).

KPM komited untuk memastikan guru Malaysia mencapai standard yang ditetapkan mengikut arus perkembangan pendidikan semasa. Secara dasarnya, SGM 2.0 dapat mengenal pasti kompetensi guru dalam aspek nilai, kemahiran dan pengetahuan bagi melahirkan guru yang berjiwa pendidik.

Amalan refleksi kendiri penting dalam mengenal pasti keperluan diri bagi memenuhi standard yang ditetapkan. Penggunaan SGM 2.0 adalah sebagai dokumen rujukan guru membuat refleksi terhadap keberkesanan amalan profesional berdasarkan kompetensi yang ditetapkan untuk merancang pembangunan profesionalisme berterusan (PPB) bagi peningkatan potensi diri ke arah kemenjadian murid.

TUJUAN



Penilaian Kendiri

Guru boleh menggunakan SGM 2.0 untuk membuat penilaian kendiri. Hasil penilaian ini, guru dapat mengenal pasti standard kompetensi yang dimiliki dan seterusnya merancang keperluan latihan bagi pembangunan kerjaya mereka.



Pembangunan Profesionalisme Berterusan

Pihak sekolah dan institusi pendidikan memanfaatkan hasil penilaian kendiri guru untuk merancang Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) dan melaksanakan program atau latihan berdasarkan sekolah untuk meningkatkan profesionalisme guru dan pembangunan organisasi.



Instrumen Penilaian Kompetensi

SGM 2.0 digunakan sebagai panduan kepada pembuat dasar untuk membangunkan instrumen penilaian kompetensi guru dan penetapan kriteria serta syarat-syarat pemilihan dan pengambilan guru.



Keperluan Latihan

Pembekal latihan menggunakan SGM 2.0 sebagai rujukan untuk mengenal pasti keperluan latihan yang bersesuaian dengan keperluan laluan kerjaya dan PPB guru.

KERANGKA SGM 2.0

Guru yang profesional hendaklah menguasai pengetahuan mata pelajaran dan pedagogi, memiliki kemahiran profesional, serta mengamalkan nilai profesional dan integriti yang dapat meningkatkan reputasi profesi

Pengajaran dan amalan profesional yang berkualiti akan menyumbang kepada peningkatan kualiti pembelajaran murid

Pembangunan profesionalisme guru penting untuk menjamin kualiti guru yang berupaya memperkembangkan potensi murid secara holistik

Jaringan dan jalinan dengan pelbagai pihak penting dalam peningkatan kecemerlangan organisasi


Guru yang profesional bertanggungjawab menyokong dan menyumbang kepada pembangunan profesionalisme rakan sejawatan

Guru mempunyai tanggungjawab profesional untuk mengikuti perkembangan terkini dalam bidang pendidikan dan berusaha secara berterusan bagi membangunkan profesionalisme kendiri serta meningkatkan pengalaman profesional melalui pembelajaran sepanjang hayat

Pihak pengurusan sekolah perlu membudayakan Komuniti Pembelajaran Profesional yang memberikan impak kepada kemenjadian murid dan sekolah berkualiti

KERANGKA SGM 2.0

Kerangka SGM 2.0 dibangunkan melalui proses pemetaan dan analisis kandungan dokumen asas, dokumen utama dan dokumen sokongan seperti Rajah 1. Gerak kerja pembangunan ini melibatkan konsultasi dan verifikasi dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam bidang pendidikan.




Rajah 1: Pemetaan Dokumen Dalam Pembangunan Kerangka SGM 2.0

Rajah 1 menunjukkan pemetaan dokumen yang dirujuk untuk pembangunan Kerangka SGM 2.0. Analisis terhadap SGM mendapat tiga elemen kompetensi iaitu nilai profesional, pengetahuan dan kemahiran dinyatakan secara berasingan. Dapatan analisis terhadap SEA-TCF pula menunjukkan bahawa SEA-TCF memberikan penekanan terhadap kompetensi sebagai kombinasi nilai, pengetahuan dan kemahiran. Sehubungan dengan itu, SGM 2.0 yang dibangunkan ialah gabungan pelbagai elemen dengan memberikan fokus kepada dimensi kompetensi khusus tugas guru yang dirangkum bersama-sama elemen etika keguruan. Elemen etika ini berasaskan Tatasusila Profesional Perguruan Malaysia (TPPM) yang mengandungi tanggungjawab guru.

KERANGKA SGM 2.0

Kerangka SGM 2.0 didasari oleh dua komponen utama, iaitu Standard Kompetensi dan Etika Keguruan seperti Rajah 2. Standard Kompetensi terdiri daripada empat domain, iaitu Orientasi Ilmu, Instruksional, Pelibatan Komuniti, dan Kualiti Peribadi. Kerangka ini juga merangkumi Etika Keguruan yang dijelaskan melalui empat teras, iaitu Tanggungjawab terhadap Profesional, Tanggungjawab terhadap Murid, Tanggungjawab terhadap Ibu Bapa/Penjaga, dan Tanggungjawab terhadap Masyarakat dan Negara.



Rajah 2: Kerangka SGM 2.0

PROFESIONALISME

Jiwa pendidik dalam Kerangka SGM 2.0 merujuk kepada kepercayaan asasi yang membentuk gaya fikir dan amalan seseorang guru. Guru berjiwa pendidik perlu mempercayai bahawa ilmu mesti dicari secara sukarela dan berterusan untuk membentuk keperibadian, perwatakan serta profesionalisme seseorang guru. Dalam konteks ini, guru berjiwa pendidik hendaklah memahami tugas dan tanggungjawab secara profesional dan terperinci.

TUGAS UTAMA

Sebagai guru, tugas utama adalah mendidik. Selain memastikan kurikulum dilaksanakan sepenuhnya dalam tempoh masa yang ditetapkan, tanggungjawab untuk membimbing murid dengan nilai-nilai murni juga diberikan penekanan. Guru perlu mengamalkan nilai dan etika keguruan bagi membentuk nilai-nilai murni serta kemahiran insaniah dalam kalangan murid, rakan sejawatan, dan komuniti.

MEMATUHI PERATURAN

Di samping itu, guru perlu mematuhi segala peraturan dan etika perkhidmatan yang ditetapkan untuk memartabatkan profesion keguruan dan mengelakkan daripada tindakan tatatertib berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

KOMPETEN

Guru berjiwa pendidik perlu kompeten dan profesional dalam aspek Orientasi Ilmu, Instruksional, Pelibatan Komuniti, dan Kualiti Peribadi. Guru yang kompeten melaksanakan tugas mendidik dengan pelbagai strategi PdP, memberikan tunjuk ajar dengan sentuhan kasih sayang, bertindak dengan penuh tanggungjawab, membina jaringan dan jalinan dengan komuniti, mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat, dan menjadi suri teladan.

BERTANGGUNGJAWAB

Guru berjiwa pendidik juga perlu menuai tanggungjawab terhadap profesion, murid, ibu bapa atau penjaga, serta masyarakat dan negara agar reputasi profesion keguruan sentiasa dihormati dan dipandang mulia oleh masyarakat.

DIMENSI KOMPETENSI

SGM 2.0 mengandungi dua komponen iaitu komponen Standard Kompetensi dan komponen Etika Keguruan. Komponen Standard Kompetensi menjelaskan tentang kompetensi yang perlu dimiliki pada pelbagai tahap pembangunan profesionalisme agar kekal berkualiti sepanjang perkhidmatan untuk membangun dan memperkembangkan potensi murid.

01

DOMAIN

Liputan kompetensi merangkumi aspek nilai profesional, pengetahuan, dan kemahiran. Setiap komponen tersebut menggabungjalinkan nilai pengetahuan dan kemahiran yang perlu dicapai oleh guru.

02

KOMPETENSI

Kompetensi ialah pengetahuan, kemahiran, dan nilai yang perlu ada pada seorang guru yang profesional bagi setiap domain, dan merupakan penguasaan terhadap pengetahuan dan kemahiran untuk melakukan sesuatu dengan cekap atau dengan jayanya.

03

ELEMEN

Elemen merujuk kepada tindakan atau perlakuan profesional guru semasa mengaplikasikan ilmu, kemahiran dan keperibadian seorang guru berjiwa pendidik.

04

DESKRIPTOR

Deskriptor merupakan huraian tindakan atau perlakuan profesional yang boleh dilihat dan diukur bagi setiap elemen. Deskriptor ini dijadikan item dalam Senarai Semak Kompetensi Diri (SSKD).

STANDARD KOMPETENSI



STANDARD KOMPETENSI

Terdapat empat domain dalam komponen standard kompetensi iaitu Orientasi Ilmu, Instruksional, Pelibatan Komuniti dan Kualiti Peribadi yang diperincikan dengan empat belas kompetensi seperti dalam Jadual 1. Domain dan kompetensi tersebut perlu diintergrasikan dalam amalan profesional harian setiap guru.

Jadual 1: Domain SGM 2.0

Orientasi Ilmu

- Memahami falsafah, dasar, kurikulum dan pengetahuan pengurusan organisasi
- Memahami dan meluaskan pengetahuan pengajaran dan pembelajaran
- Meningkatkan pengetahuan tentang trend dan perkembangan pendidikan terkini

Instruksional

- Memfokuskan perkembangan potensi murid
- Merancang pengajaran dan pembelajaran
- Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran
- Menguruskan pentaksiran pembelajaran

Pelibatan Komuniti

- Membina jaringan dan jalinan dengan ibu bapa/ penjaga serta komuniti
- Melibatkan ibu bapa/ penjaga serta komuniti untuk membantu pembelajaran murid
- Meraikan kepelbagaian komuniti

Kualiti Peribadi

- Mengamalkan refleksi diri
- Menjiwai amalan keguruan
- Menerapkan gaya kepimpinan pendidik yang bersifat insaniah
- Meraikan kepelbagaian budaya



ORIENTASI ILMU

Keupayaan mendalami pengetahuan PdP, falsafah, dasar, kurikulum, pengurusan organisasi dan trend pendidikan terkini, serta meluaskan pengetahuan selari dengan dinamik pendidikan

KOMPETENSI

1.1

Memahami falsafah, dasar, kurikulum, dan pengetahuan pengurusan organisasi

ELEMEN 1.1.1

Menghayati falsafah pendidikan

- i. Merealisasikan hasrat falsafah pendidikan melalui amalan profesionalisme
- ii. Melestarikan penghayatan falsafah pendidikan dalam amalan profesionalisme

ELEMEN 1.1.2

Mematuhi dasar pendidikan

- i. Mengetahui dan memahami dasar pendidikan
- ii. Mempamerkan amalan profesionalisme berlandaskan dasar pendidikan

ELEMEN 1.1.3

Menguasai pengetahuan kurikulum

- i. Menterjemah kurikulum dalam PdP
- ii. Membimbing rakan sejawatan untuk menterjemah kurikulum bagi memperkaya PdP

ELEMEN 1.1.4

Menguasai pengetahuan pengurusan organisasi

- i. Mengaplikasi pengetahuan pengurusan organisasi dalam bidang tugas
- ii. Membimbing rakan sejawatan dalam pengurusan organisasi

KOMPETENSI 1.2

Mendalami dan meluaskan pengetahuan PdP

ELEMEN 1.2.1

Menguasai pengetahuan pedagogi isi kandungan

- i. Memperkayakan ilmu berkaitan dengan pengetahuan pedagogi isi kandungan
- ii. Membimbing rakan sejawatan untuk meningkatkan pengetahuan pedagogi isi kandungan
- iii. Melaksanakan refleksi diri untuk menambah baik amalan PdP

ELEMEN 1.2.2

Memperkayakan pengetahuan berasaskan kepelbagaian sumber pendidikan

- i. Memanfaatkan kepelbagaian sumber untuk peningkatan ilmu
- ii. Memanfaatkan kajian berkaitan pendidikan dalam PdP

**KOMPETENSI
1.3**

Meningkatkan pengetahuan dari semasa ke semasa tentang trend dan perkembangan pendidikan terkini

ELEMEN 1.3.1

Mengikuti trend dan perkembangan pendidikan terkini

- i. Menyesuaikan PdP selari dengan trend dan perkembangan pendidikan terkini
- ii. Memanfaatkan teknologi dan digital untuk memperkayakan amalan profesionalisme
- iii. Membimbing rakan sejawatan untuk memanfaatkan teknologi dan digital dalam PdP



NISTRUKSIONAL

Keupayaan merancang dan melaksanakan amalan instruksional untuk membangunkan potensi murid secara holistik (kemenjadian murid)

KOMPETENSI 2.1

Memfokuskan perkembangan potensi murid

ELEMEN 2.1.1

Mengenal pasti keperluan murid untuk pembelajaran berkesan

- i. Menganalisis latar belakang dan pencapaian terdahulu murid
- ii. Membimbang rakan sejawatan untuk mengenal pasti keperluan pembelajaran murid

ELEMEN 2.1.2

Membangunkan potensi murid untuk mengupayakan pembelajaran

- i. Mengenal pasti potensi berasaskan kecenderungan dan keunikan murid
- ii. Menyediakan ruang dan peluang untuk mengoptimumkan perkembangan potensi murid
- iii. Menggalakkan murid meneroka pembangunan potensi diri sendiri

**KOMPETENSI
2.2**

Merancang pengajaran dan pembelajaran

ELEMEN 2.2.1

Merancang pelaksanaan PdP

- i. Menentukan objektif dan aktiviti pembelajaran berdasarkan kurikulum serta keupayaan murid
- ii. Membangunkan bahan sumber pendidikan yang bersesuaian dengan aras keupayaan murid

**KOMPETENSI
2.3**

Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran

ELEMEN 2.3.1

Melaksanakan PdP yang berkesan

- i. Menjalankan aktiviti pembelajaran berdasarkan rancangan pengajaran harian
- ii. Melaksanakan pembelajaran terbeza
- iii. Menggunakan sumber pendidikan yang bersesuaian dengan aras keupayaan murid

ELEMEN 2.3.2

Menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif

- i. Memastikan persekitaran pembelajaran yang selesa dan selamat
- ii. Menggalakkan pelibatan murid secara aktif
- iii. Mengawal suasana pembelajaran bagi memastikan proses PdP berjalan dengan lancar

KOMPETENSI Menguruskan pentaksiran pembelajaran
2.4

ELEMEN 2.4.1

Menetapkan pentaksiran yang bersetujuan

- i. Merancang pentaksiran yang bersetujuan berdasarkan aras keupayaan murid
- ii. Melaksanakan pentaksiran seperti yang dirancang

ELEMEN 2.4.2

Mengenal pasti kemajuan murid

- i. Menilai tahap penguasaan murid
- ii. Menganalisis data dan maklumat pentaksiran

ELEMEN 2.4.3

Menentukan intervensi yang bersetujuan

- i. Mengenal pasti intervensi yang bersetujuan berdasarkan data pentaksiran
- ii. Melaksanakan pemulihan, pengukuhan dan/atau pengayaan berdasarkan data pentaksiran



ELIBATAN KOMUNITI

Keupayaan membina jaringan dan jalinan bagi menyokong pembelajaran murid

KOMPETENSI

3.1

Membina jaringan dan jalinan dengan ibu bapa/penjaga serta komuniti

ELEMEN 3.1.1

Mewujudkan jaringan dan jalinan yang memanfaatkan pembelajaran murid

- i. Meneroka dan mengenal pasti peluang untuk mencipta jaringan dan jalinan
- ii. Memastikan hubungan baik dalam jaringan dan jalinan
- iii. Menyokong pelaksanaan jaringan dan jalinan

KOMPETENSI

3.2

Melibatkan ibu bapa/penjaga serta komuniti untuk membantu pembelajaran murid

ELEMEN 3.2.1

Memanfaatkan pelibatan ibu bapa/penjaga dan komuniti untuk pembelajaran murid

- i. Mengenal pasti ruang dan peluang pelibatan ibu bapa/penjaga serta komuniti
- ii. Melaksanakan program/aktiviti yang melibatkan ibu bapa/penjaga serta komuniti untuk mengoptimumkan pembelajaran murid

**KOMPETENSI
3.3**

Meraikan kepelbagaian komuniti

ELEMEN 3.3.1

Bersikap terbuka dalam aktiviti yang melibatkan komuniti

- i. Menghormati pelibatan kepelbagaian komuniti
- ii. Menyesuaikan diri dalam aktiviti bersama-sama komuniti

ELEMEN 3.3.2

Memastikan pelibatan murid dalam aktiviti kepelbagaian komuniti

- i. Memberikan kesedaran kepada murid untuk menerima dan menghormati kepelbagaian dalam komuniti
- ii. Menggalakkan murid untuk mengamalkan sikap menghormati kepelbagaian dalam komuniti
- iii. Membina sikap murid supaya dapat menyesuaikan diri dalam pelibatan aktiviti kepelbagaian komuniti



UALITI PERIBADI

Keupayaan menjadi seorang pendidik yang unggul, disegani dan dihormati

KOMPETENSI 4.1

Mengamalkan refleksi diri

ELEMEN 4.1.1

Melaksanakan penilaian diri secara berterusan

- i. Memahami potensi diri dalam melaksanakan tanggungjawab
- ii. Mengenal pasti ruang dan peluang penambahbaikan terhadap potensi diri
- iii. Melaksanakan PPB bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai profesionalisme
- iv. Berkongsi amalan terbaik untuk membangunkan kompetensi diri

**KOMPETENSI
4.2**

Menjiwai amalan keguruan

ELEMEN 4.2.1

Mengekalkan kecintaan dan menghargai profesion keguruan sepanjang perkhidmatan

- i. Berkhidmat dengan penuh integriti, kredibiliti, dan akauntabiliti
- ii. Menjaga imej dan martabat profesion keguruan sepanjang masa

ELEMEN 4.2.2

Komitded dalam memberikan khidmat yang terbaik

- i. Menyumbangkan khidmat dan kepakaran dengan penuh komitmen
- ii. Mengamalkan budaya kerja yang cemerlang

ELEMEN 4.2.3

Menjiwai etika keguruan

- i. Menghayati etika keguruan sepanjang masa
- ii. Membudayakan amalan etika keguruan dalam melaksanakan tugas

**KOMPETENSI
4.3**

Menerapkan gaya kepimpinan pendidik yang bersifat insaniah

ELEMEN 4.3.1

Berkomunikasi secara berkesan

- i. Menjiwai dan mempamerkan etika komunikasi sepanjang masa
- ii. Membudayakan amalan komunikasi berkesan

ELEMEN 4.3.2

Mengamalkan pemikiran kritis dan kreatif

- i. Mempamerkan pemikiran kritis dan kreatif dalam bidang tugas
- ii. Membimbing rakan sejawatan membudayakan pemikiran kritis dan kreatif

ELEMEN 4.3.3

Menunjukkan sikap kesukarelaan

- i. Mengetahui dan memahami ciri kesukarelaan
- ii. Mengamalkan sikap kesukarelaan dalam aktiviti profesional dan sosial
- iii. Menginspirasi rakan sejawatan untuk mengamalkan sikap kesukarelaan

ELEMEN 4.3.4

Memanfaatkan peluang melalui penerapan nilai keusahawanan

- i. Mengetahui dan memahami nilai keusahawanan yang bersesuaian dengan bidang tugas
- ii. Mengamalkan nilai keusahawanan dalam melaksanakan tugas

**KOMPETENSI
4.4**

Meraikan kepelbagaian budaya

ELEMEN 4.4.1

Menghormati warisan budaya

- i. Mengetahui dan memahami warisan budaya
- ii. Menerima kepelbagaian budaya

ELEMEN 4.4.2

Memahami emosi diri dan individu lain

- i. Mengamalkan sikap keterbukaan dan hormat antara individu
- ii. Menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi

ETIKA KEGURUAN



ETIKA KEGURUAN

Etika Keguruan menjelaskan prinsip moral dan nilai akhlak yang perlu menjadi pegangan dan amalan guru di Malaysia. Komponen Etika Keguruan ini menjelaskan perkara berkaitan teras, elemen dan indikator seperti di bawah:



Teras

Etika Keguruan dibina berdasarkan empat teras utama, iaitu Tanggungjawab terhadap Profesional, Tanggungjawab terhadap Murid, Tanggungjawab terhadap Ibu Bapa/Penjaga, dan Tanggungjawab terhadap Masyarakat dan Negara.



Elemen

Elemen ialah perincian daripada teras etika yang perlu dijiwai, diamalkan dan diperlihatkan oleh guru untuk melaksanakan tanggungjawab profesional.



Indikator

Indikator merupakan petunjuk terhadap tindakan atau perlakuan profesional yang mesti dijiwai, diamalkan, dan diperlihatkan bagi setiap elemen. Guru yang profesional perlu mengamalkan setiap indikator sepanjang tempoh perkhidmatan bagi meningkatkan nilai profesionalisme keguruan dan memberikan impak positif kepada kemenjadian murid secara menyeluruh.

ETIKA KEGURUAN

TANGGUNGJAWAB TERHADAP PROFESION

TERAS 01

Elemen 1.1

Memberikan khidmat yang terbaik

Indikator 1.1.1

Melaksanakan pedagogi dan pentaksiran serta menggunakan sumber teknologi yang sesuai

Indikator 1.1.2

Meningkatkan tahap profesionalisme kendiri secara berterusan

Indikator 1.1.3

Mengamalkan perkongsian pengetahuan, kemahiran, dan kepakaran

Elemen 1.2

Menjaga imej profesion keguruan

Indikator 1.2.1

Menampilkkan perwatakan dan keperibadian yang dapat diteladani dan dipercayai

Indikator 1.2.2

Mengamalkan integriti sepanjang masa

Indikator 1.2.3

Mengamalkan tahap akauntabiliti yang tinggi untuk melaksanakan tugas

Indikator 1.2.4

Menjaga adab dan susila sepanjang masa

Indikator 1.2.5

Melaksanakan tanggungjawab secara ikhlas

ETIKA KEGURUAN

TANGGUNGJAWAB TERHADAP PROFESION

TERAS 01

Elemen 1.3

Melindungi kerahsiaan data dan maklumat organisasi

Indikator 1.3.1

Melindungi keselamatan data dan maklumat organisasi sepanjang masa

Indikator 1.3.2

Melindungi keselamatan data dan maklumat rakan sejawatan sepanjang masa

Elemen 1.4

Mengamalkan konsep koperatif dan kolaboratif untuk melaksanakan tugas

Indikator 1.4.1

Mengamalkan usaha sama (sinergi) untuk keberhasilan yang lebih baik

Indikator 1.4.2

Menghormati dan menghargai pandangan atau idea daripada ahli pasukan

Indikator 1.4.4

Membentuk dan memelihara hubungan positif dengan pelbagai pihak

Indikator 1.4.3

Mengamalkan komunikasi yang berkesan

ETIKA KEGURUAN

TANGGUNGJAWAB TERHADAP PROFESION

TERAS 01

Elemen
1.5

Mematuhi perundangan dan memenuhi keperluan tanggungjawab untuk melaksanakan tugas

Indikator 1.5.1

Memahami dan mematuhi peraturan serta perundangan yang berkuat kuasa

Indikator 1.5.2

Melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan memenuhi ketetapan peraturan, serta perundangan yang berkuat kuasa

ETIKA KEGURUAN

TANGGUNGJAWAB TERHADAP MURID

TERAS 02

Elemen
2.1

Memberikan pendidikan yang berkualiti

Indikator 2.1.1

Memastikan murid mencapai tahap penguasaan pengetahuan, kemahiran, dan nilai yang sepatutnya

Indikator 2.1.2

Mengawal selia kualiti hasil pembelajaran murid supaya menguasai pengetahuan, kemahiran, dan nilai yang sepatutnya

Indikator 2.1.3

Mengembangkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis

Elemen
2.2

Mengutamakan kebijakan dan keselamatan murid

Indikator 2.2.1

Menitikberatkan kesihatan, keselamatan, dan keperluan murid

Indikator 2.2.2

Mewujudkan persekitaran yang kondusif, selamat, dan sihat

Indikator 2.2.3

Mengelakkan perlakuan dan situasi yang boleh mengaibkan atau membahayakan murid

Indikator 2.2.4

Membuat pertimbangan profesional untuk menguruskan kebijakan murid

Indikator 2.2.5

Menghormati murid sebagai individu yang mempunyai hak, perasaan, dan harga diri

ETIKA KEGURUAN

TANGGUNGJAWAB TERHADAP MURID

TERAS 02

Elemen
2.3

Menghindari diskriminasi terhadap murid

Indikator 2.3.1

Mengamalkan sikap adil terhadap semua murid

Indikator 2.3.2

Memberikan peluang yang sama terhadap semua murid

Indikator 2.3.4

Mengelakkan sikap prejudis terhadap semua murid

Indikator 2.3.3

Mengamalkan sikap bersangka baik terhadap semua murid

Elemen
2.4

Menerima kepelbagaian murid

Indikator 2.4.1

Menerima kepelbagaian murid (latar belakang, identiti, bahasa, tahap kecerdasan, sosiobudaya, potensi diri, tingkah laku, cara berkomunikasi, dan sebagainya)

Indikator 2.4.2

Menghormati persepsi dan kepercayaan peribadi murid yang pelbagai

Indikator 2.4.4

Mengamalkan sikap neutral untuk menguruskan murid

Indikator 2.4.3

Mewujudkan persekitaran yang meraikan kepelbagaian murid

ETIKA KEGURUAN

TANGGUNGJAWAB TERHADAP MURID

TERAS 02

Elemen
2.5

Melindungi kerahsiaan data dan maklumat murid

Indikator 2.5.1

Melindungi keselamatan data dan maklumat murid sepanjang masa

Elemen
2.6

Memelihara hubungan guru - murid

Indikator 2.6.1

Menghormati tatasusila, adab, dan batasan tingkah laku antara guru dengan murid

Indikator 2.6.2

Mengamalkan komunikasi secara berhemah

Elemen
2.7

Memupuk nilai-nilai murni dan kemahiran insaniah murid

Indikator 2.7.1

Menjadi suri teladan kepada murid

Indikator 2.7.2

Menerapkan amalan nilai-nilai murni dalam kalangan murid

Indikator 2.7.4

Menerapkan dan membina kemahiran insaniah dalam kalangan murid

Indikator 2.7.3

Membentuk jati diri dalam kalangan murid

ETIKA KEGURUAN

TANGGUNGJAWAB TERHADAP IBU BAPA/PENJAGA

TERAS 03

Elemen
3.1

Menghormati peranan ibu bapa/penjaga

Indikator 3.1.1

Menghormati perspektif ibu bapa/penjaga berkaitan dengan pendidikan atau kebajikan murid

Indikator 3.1.2

Menghormati batasan peranan dan tanggungjawab sebagai guru terhadap murid

Elemen
3.2

Memelihara peranan ibu bapa / penjaga

Indikator 3.2.1

Membudayakan sikap positif sebagai penghubung antara ibu bapa/penjaga dengan murid dalam aspek pendidikan

Indikator 3.2.2

Menghormati tatasusila, adab dan batasan tingkah laku terhadap ibu bapa/penjaga

Indikator 3.2.3

Menangani isu-isu sensitif secara profesional

Indikator 3.2.4

Mengamalkan kebijaksanaan untuk menyampaikan maklumat berkaitan dengan pendidikan

Indikator 3.2.5

Mengamalkan komunikasi secara berhemah

Elemen
3.3

Melindungi perkongsian maklumat bersama-sama ibu bapa/penjaga

Indikator 3.3.1

Melindungi keselamatan maklumat yang dikongsi bersama-sama sepanjang masa

ETIKA KEGURUAN

TANGGUNGJAWAB TERHADAP MASYARAKAT DAN NEGARA

TERAS 04

Elemen
4.1

Memupuk keyakinan masyarakat terhadap profesi keguruan

Indikator 4.1.1

Menampilkan perwatakan dan keperibadian yang memahami serta menghormati perlengkapan dan perundangan negara

Indikator 4.1.2

Menampilkan perwatakan dan keperibadian sebagai individu yang dapat diteladani dan dipercayai

Indikator 4.1.3

Memelihara hubungan harmoni dengan masyarakat sebagai rakan pembelajaran

Elemen
4.2

Melahirkan warganegara yang bertanggungjawab

Indikator 4.2.1

Mendidik dan memimpin murid untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab

Indikator 4.2.2

Malahirkan murid yang bersedia untuk memberikan sumbangan dan memainkan peranan sebagai anggota masyarakat

Indikator 4.2.3

Memupuk sikap dan nilai dalam diri murid yang dapat membantu mereka menyesuaikan diri dalam masyarakat

ETIKA KEGURUAN

TANGGUNGJAWAB TERHADAP MASYARAKAT DAN NEGARA

TERAS 04

Elemen
4.3

Meraikan kepelbagaian latar belakang sosial dalam masyarakat

Indikator 4.3.1

Menghormati dan memelihara sejarah, warisan, identiti, bahasa, kepercayaan, dan budaya yang pelbagai dalam masyarakat

Indikator 4.3.2

Menghormati kepelbagaian masyarakat untuk mewujudkan suasana yang harmoni dan sejahtera

Indikator 4.3.3

Memupuk perpaduan dalam masyarakat majmuk

Elemen
4.4

Memelihara hak asasi manusia dan kelestarian alam sekitar

Indikator 4.4.1

Menghormati dan memelihara hak asasi manusia

Indikator 4.4.2

Menyokong usaha ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar

Elemen
4.5

Melibatkan diri dalam kerjasama pintar

Indikator 4.5.1

Melestarikan jaringan dan jalinan dengan institusi pendidikan dan masyarakat untuk kepentingan bersama

Indikator 4.5.2

Mengamalkan sikap keterbukaan untuk menyediakan ruang dan peluang pelibatan masyarakat dalam pendidikan

PENGGUNA



PENGGUNA

SGM 2.0 terpakai khusus kepada warga pendidik yang bertugas di sekolah/institusi pendidikan yang dikawal selia bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Penggunaan SGM 2.0 bagi pentadbir sekolah/institusi/agensi pendidikan, pembekal latihan dalam perkhidmatan dan pihak berkepentingan dalam bidang pendidikan pula merupakan panduan dan rujukan standard yang perlu ada pada seorang guru yang profesional.

01.

GURU PELATIH

SGM 2.0 diguna pakai sebagai panduan bagi mengenal pasti keperluan kompetensi dan etika dalam persediaan untuk melengkapkan diri sebelum memasuki profesi keguruan.

SGM 2.0 juga akan diguna pakai oleh guru pelatih untuk membuat refleksi diri bagi mengenal pasti tahap keupayaan kompetensi sedia ada melalui SSKD sebagai persediaan untuk memasuki profesi perguruan.

02.

GURU

SGM 2.0 merupakan panduan menjadi guru yang profesional dan diguna pakai untuk mengenal pasti kompetensi dan etika sedia ada, kompetensi dan etika yang boleh dibangunkan, serta ruang penambahbaikan untuk merancang keperluan pembangunan profesionalisme guru. SGM 2.0 boleh dirujuk oleh guru untuk membuat refleksi diri bagi mengenal pasti tahap keupayaan kompetensi sedia ada melalui SSKD, dan seterusnya merancang pembangunan profesionalisme kendiri secara berterusan.

PENGGUNA

03.

PENGETUA DAN GURU BESAR

SGM 2.0 diguna pakai untuk mengenal pasti kompetensi dan etika sedia ada guru di sekolah bagi merancang dan melaksanakan PPB agar guru sentiasa berkualiti tinggi ke arah kemenjadian murid dan sekolah berkualiti. Pengetua dan guru besar pendidikan akan menganalisis dan menggunakan dapatan SSKD untuk menyediakan dan melaksanakan strategi bagi meningkatkan tahap pencapaian kompetensi guru.

04.

PEMBUAT DASAR PENDIDIKAN

SGM 2.0 boleh diguna pakai oleh pembuat dasar/keputusan bagi mengenal pasti keperluan latihan oleh institusi dan pembekal latihan untuk memastikan guru diberi peluang menjalani PPB yang bersesuaian mengikut laluan kerjaya dan tempoh perkhidmatan. Selain itu, dokumen ini boleh dijadikan rujukan untuk penetapan kriteria dalam pemilihan dan pengambilan guru.

05.

AGENSI LATIHAN KEGURUAN AWAM DAN SWASTA

SGM 2.0 boleh dijadikan rujukan untuk merancang dan menambah baik strategi pembangunan profesionalisme dan peningkatan profesi keguruan. SGM 2.0 juga boleh dijadikan rujukan dalam penetapan syarat-syarat pemilihan dan pengambilan guru pelatih.

06.

PEMBEKAL LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

SGM 2.0 boleh dijadikan rujukan kepada pembekal latihan dalam perkhidmatan bagi menetapkan fokus perancangan dan pelaksanaan latihan bersesuaian dengan keperluan laluan kerjaya dan PPB guru sepanjang tempoh perkhidmatan.

SENARAI SEMAK KOMPETENSI DIRI



SENARAI SEMAK KOMPETENSI DIRI

Senarai Semak Kompetensi Diri (SSKD) merupakan panduan kepada guru untuk mengenal pasti keupayaan sedia ada bagi merancang pembangunan profesionalisme kendiri secara berterusan. SSKD disusun berdasarkan Domain, Kompetensi, Elemen, dan Deskriptor seperti yang terkandung dalam SGM 2.0.

Deskriptor SSKD disediakan mengikut empat tahap keupayaan, iaitu:

1

Saya belum berupaya

- Terdapat kelemahan bagi kompetensi ini yang memerlukan tindakan penambahbaikan.
- Kompetensi ini perlu dibangunkan melalui pelbagai aktiviti pembangunan profesionalisme berterusan.

2

Saya kurang berupaya

- Memiliki kekuatan asas bagi kompetensi ini, namun memerlukan aspek bimbingan dan penyeliaan yang lebih kerap.
- Kompetensi ini perlu dipertingkatkan dan diperkuuhkan lagi dengan pelbagai aktiviti pembangunan profesionalisme berterusan.

3

Saya berupaya

- Memiliki kekuatan bagi kompetensi ini yang tidak memerlukan aspek bimbingan dan penyeliaan atau secara minimum.
- Pengekalan dan pengukuhan kompetensi ini boleh dilaksanakan melalui amalan profesionalisme yang berterusan dan aktiviti pembangunan profesionalisme berterusan.

4

Saya sangat berupaya

- Memiliki kekuatan yang sangat jelas dan tinggi bagi kompetensi ini serta nilai tambah yang dapat dikongsikan bersama-sama individu lain.
- Kelestarian dan pelestarian kompetensi ini amat penting bagi amalan profesionalisme yang berterusan.

SENARAI SEMAK KOMPETENSI DIRI

Pengisian Senarai Semak Kompetensi Diri (SSKD) yang lengkap menggambarkan tahap kompetensi guru. Guru boleh mengakses dan melengkapkan SSKD secara dalam talian melalui Sistem Guru Malaysia (SGMy). Setelah selesai mengisi SSKD, guru akan memperoleh rumusan tafsiran kompetensi mereka mengikut domain seperti yang berikut:

ORIENTASI ILMU

Keupayaan mendalami pengetahuan falsafah, dasar, kurikulum, PdP, pengurusan organisasi dan trend pendidikan terkini serta meluaskan pengetahuan selari dengan dinamik pendidikan

TINGGI

Saya berkeupayaan tinggi untuk mendalami pengetahuan falsafah, dasar, kurikulum, PdP, pengurusan organisasi dan trend pendidikan terkini serta meluaskan pengetahuan selari dengan dinamik pendidikan.

SEDERHANA

Saya mempunyai usaha dan berkeupayaan untuk mendalami pengetahuan falsafah, dasar, kurikulum, PdP, pengurusan organisasi dan trend pendidikan terkini serta meluaskan pengetahuan selari dengan dinamik pendidikan.

RENDAH

Saya perlu sentiasa berusaha lebih untuk mempertingkatkan pengetahuan falsafah, dasar, kurikulum, PdP, pengurusan organisasi dan trend pendidikan terkini serta meluaskan pengetahuan selari dengan dinamik pendidikan.

SENARAI SEMAK KOMPETENSI DIRI

INSTRUKSIONAL

Keupayaan merancang dan melaksanakan amalan instruksional untuk membangunkan potensi murid secara holistik (kemenjadian murid)

TINGGI

Saya berkeupayaan tinggi dan sangat proaktif dalam merancang dan melaksanakan amalan instruksional untuk membangunkan potensi murid secara holistik (kemenjadian murid) melebihi keperluan organisasi.

SEDERHANA

Saya berkeupayaan untuk merancang dan melaksanakan amalan instruksional untuk membangunkan potensi murid secara holistik (kemenjadian murid) tanpa bimbingan dan penyeliaan.

RENDAH

Saya berkeupayaan untuk merancang dan melaksanakan amalan instruksional untuk membangunkan potensi murid secara holistik (kemenjadian murid), namun memerlukan bimbingan dan penyeliaan yang kerap.

SENARAI SEMAK KOMPETENSI DIRI

PELIBATAN KOMUNITI

Keupayaan membina jaringan dan jalinan bagi menyokong pembelajaran murid

TINGGI

Saya berkecenderungan tinggi dan sangat proaktif untuk membina jaringan dan jalinan bagi menyokong pembelajaran murid melebihi keperluan organisasi.

SEDERHANA

Saya berkecenderungan untuk membina jaringan dan jalinan bagi menyokong pembelajaran murid.

RENDAH

Saya perlu sentiasa berusaha untuk membina jaringan dan jalinan bagi menyokong pembelajaran murid.

SENARAI SEMAK KOMPETENSI DIRI

KUALITI PERIBADI

Keupayaan menjadi seorang pendidik yang unggul, disegani dan dihormati

TINGGI

Saya memiliki kesungguhan yang sangat tinggi untuk meningkatkan citra dan martabat profesi keguruan, serta sentiasa berusaha menjadi seorang pendidik yang unggul, disegani dan dihormati.

SEDERHANA

Saya memiliki kesungguhan untuk meningkatkan citra dan martabat profesi keguruan, serta berusaha menjadi seorang pendidik yang unggul, disegani dan dihormati.

RENDAH

Saya perlu kesungguhan untuk meningkatkan citra dan martabat profesi keguruan, serta sentiasa berusaha lebih menjadi seorang pendidik yang unggul, disegani dan dihormati.

Guru disarankan melengkapkan SSKD di Sistem Guru Malaysia (SGMy) dari semasa ke semasa untuk mengenal pasti kompetensi diri supaya tahap profesionalisme dapat ditingkatkan atau dikedalkan, atau kedua-duanya secara berterusan.

KESIMPULAN



KESIMPULAN

SGM 2.0 merupakan dokumen komprehensif yang menjadi asas dan landasan pembentukan jiwa pendidik yang profesional. Guru perlu menggunakan SGM 2.0 sebagai panduan untuk memahami kompetensi dan etika yang diperlukan sesuai dengan pengalaman dan kepakaran yang ingin diperoleh. Guru diharap berupaya memahami kompetensi sedia ada yang dimiliki melalui penggunaan SSKD dan analisis yang diperoleh. Seterusnya, guru perlu berinisiatif untuk mengenal pasti aktiviti PPB dan membangunkan profesionalisme secara kendiri bersesuaian dengan keperluan masing-masing selaras dengan hasrat untuk melahirkan guru berjiwa pendidik.

Standard Kompetensi dan Teras Etika Keguruan yang dinyatakan tidak terbatas kepada cadangan yang diuraikan dalam SGM 2.0. Kandungan dokumen ini juga bergantung pada keadaan lokasi, masa, budaya, perkembangan, dan keperluan semasa. Penggunaan SGM 2.0 secara berkesan diharap dapat memartabatkan profesi keguruan.

- ☒ SOALAN LAZIM
- ☒ RUJUKAN
- ☒ PENGHARGAAN



SOALAN LAZIM

1

Apakah itu Standard Guru Malaysia 2.0?

Dokumen panduan dan rujukan yang menghuraikan kompetensi yang perlu dikuasai dan etika yang perlu dijawai ke arah melahirkan guru berjiwa pendidik.

2

Adakah guru wajib mematuhi SGM 2.0?

Guru digalakkan untuk merujuk SGM 2.0 sepanjang perkhidmatan dalam meningkatkan profesionalisme.

3

Bagaimana SGM 2.0 dapat meningkatkan potensi saya sebagai seorang guru?

SGM 2.0 menyediakan panduan dan senarai semak kepada guru bagi meningkatkan kompetensi dan potensi sebagai seorang guru.

4

Adakah SGM 2.0 menambah beban tugas guru?

Tidak. SGM 2.0 membantu guru mengenal pasti kompetensi yang perlu dimiliki.

5

Bagaimana guru dapat menguasai komponen Etika Keguruan?

Guru boleh merujuk, menghayati dan mengamalkan komponen Etika Keguruan dalam SGM 2.0 semasa melaksanakan tugas.

6

Apakah perbezaan antara SGM (2009) dengan SGM 2.0?

Komponen SGM 2.0 ditambah baik dengan menggabung jalin Standard Kompetensi dan Etika Keguruan.

SOALAN LAZIM

7

Adakah SGM 2.0 memberi kesan kepada PdP saya di sekolah?

Tidak.

8

Selepas menjawab SSKD, apakah tindakan guru seterusnya?

Guru boleh mengenal pasti dan merancang keperluan PPB yang sesuai dengan bidang tugas berdasarkan rumusan dan dapatan daripada SSKD.

9

Sekiranya saya tidak berupaya mencapai kompetensi yang ditetapkan dalam SSKD, apakah kesan terhadap perkhidmatan saya?

Tiada. Namun guru perlu mencari peluang dan ruang meningkatkan potensi diri.

10

Jika saya mempunyai masalah berkaitan SSKD, bahagian KPM manakah perlu saya rujuk?

Bahagian Profesionalisme Guru, KPM.

11

Apakah perbezaan antara SGM 2.0 dengan SGMy?

SGM 2.0 merupakan dokumen berkaitan kompetensi guru manakala SGMy ialah sistem setempat yang mengumpulkan profil guru Malaysia.

12

Siapakah pihak berkepentingan lain yang boleh memanfaatkan SGM 2.0 selain daripada guru?

Bahagian/Jabatan, institusi pendidikan, pengetua dan guru besar, pembekal latihan, pertubuhan bukan kerajaan serta pihak yang berkaitan dengan pendidikan.

RUJUKAN

- Barge, J.D. (2011). **Teacher Keys Effective System Handbook**. Georgia: Georgia Department of Education.
- Binggeli, B. (2010, July). **Instructional Leadership Support Performance Appraisal System Handbook**. Brevard County, Florida: School Board of Brevard County.
- Commission on Teacher Credentialing. (2013, March). **California Teaching Performance Expectations (Revisions Adopted)**. California: Author.
- Commission on Teacher Credentialing. (2014, February). **California Professional Standards for Education Leaders (CPSEL)**. Sacramento, California: Author.
- Connecticut State Department of Education. (2012, June). **Common Core of Leading: Connecticut School Leadership Standards – Performance Expectations, Elements and Indicators**. Connecticut, USA: Author.
- Connecticut State Department of Education. (2017, September). **The Connecticut Leader Evaluation and Support Rubric 2017**. Hartford, Connecticut: Author.
- Education Council. (2011). **Australian Professional Standards for Teachers**. Carlton South: Education Services Australia.
- Florida Department of Education. (2005). **Florida Principal Leadership Standards and Key Indicators**. Retrieved from: <http://wwwfldoe.org/teaching/professional-dev/the-fl-principal-leadership-stards/> on 21 May 2017.
- Florida Department of Education. (2010). **Florida Teacher Standards for ESOL Endorsement**. Florida: Author.
- Georgia Department of Education. (2014). **TAPS Standards Reference Sheet Performance Standards and Sample Performance Indicators**. Retrieved from: https://www.gadoe.org/School-Improvement/Teacher-and-LeaderEffectiveness/Documents/FY15%20Tkes%20and%20Lkes%20Documents/TAPS_Reference_Sheet%206-5-14.pdf on 21 May 2017.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). **Kompetensi Pemimpin Sekolah Malaysia (KOMPAS)**. Kuala Lumpur: Author.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). **Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia**. Kuala Lumpur: Author.

RUJUKAN

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2009). **Standard Guru Malaysia**. Shah Alam: Giga Wise Network Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2020 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)**. Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). **Dokumen Awal Deskripsi Tugas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Laluan Pengajaran & Pembelajaran dan Kempimpinan)**. Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). **Manual Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan**. Cyberjaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). **Standard Prestasi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Edisi Awal**. Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). **Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2**. Putrajaya: Percetakan Pro Dinasti Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). **Standard dan Profil Kompetensi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Yang Bertugas Di Sekolah: Laluan Kepimpinan Sekolah PT(A), Laluan Fasilitator dan Laluan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)**. Cyberjaya: DYAC Berjaya Kuala Lumpur.
- New Leaders for New Schools & ISBE. (2008). **Illinois Performance Standards for School Leaders**. Retrieved from <https://www.morton709.org/file/1089/IllinoisPerformanceStandardsSchoolLeaders.pdf> on 21 May 2017.
- Sanders, N. & Kearney, K. (2008). **Performance Expectations and Indicators for Education Leaders**. Washington DC: Council of Chief State School Officers.
- Stronge, James H. (2012). **Teacher Performance Evaluation Program Handbook, Revised August 2015**. Fairfax: Fairfax County Public Schools.
- The Council of Chief State School Officer's (CCSSO) Interstate Teacher Assessment and Support Consortium (InTASC) (2014). **Hawaii Teacher Performance Standards**. Hawaii: Hawai'i Teacher Standards Board.
- Woods, R. (2018). **Georgia's Leader Keys Effectiveness System Implementation Handbook**. Georgia: Georgia Department of Education.

PENGHARGAAN

PENASIHAT

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
(Sektor Pembangunan Profesionalisme)

Haji Shafruddin bin Haji Ali Hussin
Ahmad Rafee bin Che Kassim, Ph.D. (2020-2022)
Dato' Sulaiman bin Wak (2018-2019)
Datuk Amin bin Senin, Ph.D. (2016-2017)

Pengarah Bahagian Profesionalisme Guru

Hajah Salmah binti Jopri
Datuk Mistirine binti Radin, Ph.D. (2022-2023)
Datu Haji Azhar bin Haji Ahmad, Ph.D. (2021-2022)
Hajah Roziah binti Abdullah, Ph.D. (2020)
Datuk Hajah Maimunah binti Haji Suhaibul (2018-2020)

PASUKAN PETUGAS KHAS (TASK FORCE)

Bahagian Profesionalisme Guru

Haji Muhammad Zaini bin Mohd Zain, Ph.D.
Aziela binti Shaarani
Ismariwan bin Shamsudin
Haji Jaafar Ali bin Habibullah, A.M.N.

Institut Pendidikan Guru Malaysia

Rosli bin Yacob, Ph.D.
Nirwana binti Mohd Rashid, Ph.D.
Nazifah binti Shaik Ismail, Ph.D.
Norani binti Abd. Rahim
Abd. Aziz bin Ismail, Ph. D.

Institut Aminuddin Baki

Hajah Nor Asiah binti Ibrahim
Ahamad bin Hussin, Ph.D.
Tarzimah binti Tambychik, Ph.D.

Jemaah Nazir

Mustafa bin Atan, Ph.D.
Goh Suzie
Azidah binti Aziz

PENGHARGAAN

Pejabat Pendidikan Daerah

Mohamad Asri bin Mat Husin (PPD Kuantan)
Norhana binti Bakhary, Ph.D. (PPD Seremban)
Nor Azura binti Mohd Salleh (PPD Keramat)
Heng Jee Soon (PPD Tampin)
Haji Azhar bin A. Kadir (PPD Kuala Langat)

Sekolah

Haji Muhammad bin Nordin, Ph.D. (SMK Pasir Panjang)
Mohd Khir bin Kassim (Kolej Tingkatan Enam Petaling Jaya)

Sekalung budi kepada

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

Ruhaya binti Hassan, Ph.D.
Rabaya binti Muhammad

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Intan Suzana binti Abdul Rahman
Hasmidatul Suria binti Azmi

Bahagian Matrikulasi

Hajah Rosnarizah binti Abdul Halim, Ph.D.
Aida binti Mohd Anip

Lembaga Peperiksaan

Ibrahim bin Mohamed Zain, Ph.D
Aimi Mahfuzah binti Mohd Kamalludeen

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Faizulizami binti Osmin, Ph.D.

Institut Aminuddin Baki

Ahmad Sabri bin Abdullah

PENGHARGAAN

Jemaah Nazir

Hajah Razianna binti Abdul Rahman, Ph.D.

JPN/PPD/Sekolah

Haji Zamzaitul Akmal Hisham bin Ahmad (JPN Sarawak)

Mohammad Nuri bin Hussin (JPN Selangor)

Jiani binti Jaman, Ph.D. (PPD Petaling Perdana)

Zaini binti Md Jamal (PPD Muar)

Feizatie Erviena binti Ab. Aziz (PPD Tangkak)

Shahrir bin Samsuri (SMK Abu Bakar Al-Baqir)

Bahagian Profesionalisme Guru

Haji Mohd Fathullah bin Mohd Yusof

Hajah Zakiah binti Shafiee, Ph.D.

Mohd Faisal bin Mohd Noh

Siti Yusnidar binti Mohamed Junus

Aini Neesa' binti Salim, Ed.D

Nor Shasha Zura binti Md Lajis

Nurul A'syiqin binti Haris

Lavina Nair a/p Madawan Nair, Ph.D.

Norfarahin binti Mohd Zamri, Ph.D.

Sistem Guru Malaysia (SGMy)

Ts. Nik Haslinda binti Abdul Halim, Ph.D.

Ahmad Saifuldin bin Makkah

Mohd Fadzli bin Ishak

Mohd Najmi bin Yusuff

Alif Hanafi bin Zaharudin

Muhammad Nur Ikhwan bin Taib

Grafik & Reka Bentuk

Mohd Sukri bin Zainol (BMatrikulasi)

Mohd Hafiz bin Mungin (SK Jalan U3)

Sri Nurhamisah binti Mohd Eksan

PENGHARGAAN

Video Interaktif SGM 2.0

Mohd Razif bin Abdul Razak (Kolej Melayu Kuala Kangsar)

Mohd Hanif bin Mohd Mahpot (SK Kanchong Darat)

Muhammad Zulfadli bin Kamarudin (SK Kerubong)

Amirul Shazuan bin Sabuddin (SK LKTP Kechau 1)

Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)

YBhg. Datin Sitti Haishah binti Abdul Rahman

Nita @ Siti Raudhah binti Amri, Ph.D.

Rosniza binti Johari

Sekolah

Tewarajoo a/l Ramasamy (SK Cator Avenue, Ipoh, Perak)

Mohd Zaim bin Zainal Adnan (SMK Taman Seri Rampai, Kuala Lumpur)

Suraiya binti Sain (SK Putrajaya Presint 11(1)

Atila binti Khazali (SMK Wangsa Maju Seksyen 2, Kuala Lumpur)

Rosnaniah binti Daud (SMK Putrajaya Presint 5(1)

Pausiah binti Haji Din (SMK Puchong Perdana, Selangor)

Masykurah binti Ismail (SMK Pusat Bandar Puchong 1, Selangor)

Intan Nafirah Hamidah binti Yakub (SMK Dengkil, Selangor)

Abdul Rani bin Abdul Rahman (SK Taman Sri Gombak, Selangor)

Rahamazlina binti Abdul Rahman (SMK Taman Desa, Kuala Lumpur)

Sarimah binti Baharan (SK Setiawangsa, Kuala Lumpur)

Nur Aina Sabariah binti Md Isa (Kolej Islam Sultan Alam Shah, Selangor)

Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pembangunan SGM 2.0

Pegawai Meja

Razlee bin Mohamad

Husnoorlaili binti Husain

Khairul Anuar bin Saad, Ph.D. (2022)

Mohd Norlizam bin Mohd Razali (2020-2021)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN



Kementerian Pendidikan Malaysia
Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Wilayah Persekutuan Putrajaya

e ISBN 978-967-25709-5-0

A standard linear barcode representing the ISBN number.

9 789672 570950